

KENYATAAN MEDIA
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN, MALAYSIA
PENINGKATAN HAD BERAT DALAM MUATAN BAGI KENDERAAN PERDAGANGAN DI
SEMANANJUNG MALAYSIA
ISNIN, 13 MAC 2017

Liow: Peningkatan Had Berat Dalam Muatan bagi Kenderaan Perdagangan di Semenanjung Malaysia Menyedari keperluan semasa seiring dengan pertumbuhan rancak industri logistik dalam menyumbang kepada kemapanan ekonomi negara, Kerajaan, melalui Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya telah bersetuju untuk meningkatkan had berat dalam muatan bagi kenderaan perdagangan bagi Jalan-Jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia.

Ini berikutan cadangan daripada pihak industri pengangkutan dan pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan supaya Kerajaan mengkaji semula had berat bagi kenderaan tersebut memandangkan teknologi melibatkan kenderaan barangan pada masa ini telah berkembang terutamanya dalam aspek keselamatan kenderaan, pembinaan struktur dan kuasa enjin yang mampu menarik beban yang lebih berat.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan had berat dalam muatan bagi kenderaan perdagangan di Semenanjung Malaysia seperti butiran yang berikut:

- I. Bagi kenderaan 2 gandar: had berat dinaikkan kepada 19,000kg daripada 18,000kg;
- II. Bagi kenderaan 3 gandar (rigid): had berat dinaikkan kepada 27,000kg daripada 26,000kg;
- III. Bagi kenderaan 3 gandar (articulated): had berat dinaikkan kepada 31,000kg daripada 30,000kg;
- IIII. Bagi kenderaan 4 gandar: had berat dinaikkan kepada 39,000kg daripada 37,000kg;
- V. Bagi kenderaan 5 gandar: had berat dinaikkan kepada 45,000kg daripada 40,000kg; dan
- VI. Bagi kenderaan 6 gandar: had berat dinaikkan kepada 50,000kg daripada 44,000kg.

Dengan kenaikan had berat ini, ia sudah semestinya akan memberi banyak faedah terutamanya kepada pihak industri pengangkutan bagi memantapkan sektor logistik negara dengan muatan barangan yang lebih optimum melalui pengurangan bilangan perjalanan dan penjimatan kos pengangkutan.

Selain kecekapan operasi dapat ditingkatkan, ini turut menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalu lintas, penjimatan penggunaan bahan api dan pengurangan pencemaran.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, kenaikan had berat dalam muatan ini akan dapat mengurangkan kos pengangkutan sebanyak 7% seiring dengan usaha berterusan Kerajaan untuk mengurangkan kos barangan bagi pengguna.